

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/9/2010

Azman gariskan 3 cabaran utama negara

30/9/2010 - 21 UM

KUALA LUMPUR 29 Sept. – Malaysia perlu menangani tiga cabaran besar yang dianggap kritikal dalam usahanya menjadikan sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana, Tan Sri Azman Hashim berkata, aspek pertama ialah meningkatkan kecekapan dalam penggunaan Bahasa Inggeris.

Beliau berkata, meskipun bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi negara tetapi kepentingan bahasa Inggeris perlu diambil kira sebagai bahasa komunikasi antarabangsa.

Tegas beliau, kemahiran berbahasa Inggeris bukan sahaja menjadi keperluan dalam urusan niaga sebaliknya dalam seluruh aspek kerana ia adalah bahasa dominan dunia.

“Tidak mahir dalam bahasa itu bermakna kita menghadapi rintangan untuk akses kepada komunikasi, maklumat dan idea,” katanya ketika berucap merasmikan Forum CEO 2010 di sini hari ini.

Rintangan kedua adalah rasuah

dan tidak telus, yang boleh meningkatkan ketirisan dalam dana bagi projek, pengambilan alih dan pembelian.

Satu lagi faktor yang menjadi kekangan kepada kerajaan untuk menjadi negara maju ialah keceklaran dalam politik.

Azman berkata, pendirian ahli-ahli politik berhubung satu-satu isu kini tidak mengambil kira kesan positif atau negatif kepada rakyat, sebaliknya lebih mementingkan kelebihan yang diraih daripada pendapat yang disuarakan.

Beliau yang melahirkan kebimbangan dengan situasi itu berkata, keadaan lebih buruk apabila isu kaum dan agama dipolitikkan sebagai bahan permainan politik di kalangan parti-parti politik.

Tokoh korporat tempatan itu berkata, dalam kes-kes tersebut, pandangan golongan ekstrem adalah di kalangan mereka bersuara lantang sementara rakyat Malaysia yang sederhana kekal menjadi ‘majoriti tidak bersuara’.

Tegas beliau, apabila semua perkara yang berlaku diinterpretasi

melalui lensa politik, pergerakan populis sederhana akan berpihak kepada keputusan tidak popular tetapi dengan implikasi positif jangka panjang.

“Kita telah menyaksikan bagaimana politik telah menyebabkan kepincangan di kalangan kaum dan agama di Malaysia.

“Hari ini, apabila pelawat dan pelabur menemui saya, soalan yang ditanya bukan lagi bagaimana tinjauan negara tetapi apakah prospek kestabilan dan pertahanan keharmonian kaum dan agama?” ujarnya.

Azman menjelaskan, aspek pertama dan kedua boleh menjadi halangan besar dan melemahkan kemajuan yang dicapai serta mengurangkan kecekapan dan produktiviti.

Bagaimanapun, cabaran ketiga adalah lebih utama kerana kegagalan menangani masalah itu bukan sahaja boleh mengagalkan perancangan masa hadapan tetapi meranapkan seluruh pembangunan yang dibuat selama ini, tegas beliau.